

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

CALON2 BN MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, Rabu—Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional dijangka membuat keputusan berhubung pembahagian kerusi parti-parti komponen Barisan Nasional minggu depan.

Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba dalam satu pertemuan membayangkan tidak ada perubahan besar akan berlaku, sebagaimana yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, Barisan Nasional akan mengekalkan 'status quo' yang ada.

Bagaimanapun, pemilihan calon-calon yang akan bertanding bergantung kepada keputusan muktamad Datuk Seri Dr. Mahathir, ujar Encik Ghafar.

Pada masa-masa lalu,

tambahnya, Pengerusi Barisan Nasional tidak akan menolak calon-calon yang dikemukakan oleh parti komponen kerana sudah termaklum calon-calon tersebut mendapat kepercayaan parti dan akan mencapai kemenangan.

Menyentuh ketegangan MCA-Gerakan, Encik Ghafar berkata perkara itu akan selesai apabila Datuk Seri Dr. Mahathir mengumumkan nama-nama calon nanti.

"Sekali mereka menerima nama-nama calon itu bermakna segala ketegangan akan berakhir," ujarnya.

Tambahnya lagi, semua parti dalam Barisan Nasional akan menghentikan persengketaan antara satu sama lain, sebaliknya meletakkan kepentingan parti dan negara mengatasi segala-galanya.

Encik Ghafar menjelaskan, kepimpinan Barisan Nasional tidak menghantar sebarang arahan kepada parti-parti komponennya supaya "mengawasi orang-orang mereka" kerana dipercayai setiap ahli akan memberi sokongan kepada calon yang dipilih.

Menjelang tibanya pilihanraya pada 22 April ini, Encik Ghafar Baba selaku Setiausaha Agung Barisan Nasional merupakan orang yang sibuk.

Beliaulah yang bertanggungjawab memastikan segala rancangan sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri berjalan lancar demi menjamin kemenangan Barisan Nasional.

"Kerja sebagai Pengarah Gerakan Pilihanraya ini memang menyeronokkan" ujarnya.